# MASYARAKAT DAN JENAYAH DI RANTAU PANJANG KELANTAN. TAHUN 1950an HINGGA 1970an

BAHRI BIN MOHAMAD ZIN

ARKIB

rb
fAC895
M22B152

# MASYARAKAT DAN JENAYAH DI RANTAU PANJANG KELANTAN.

## (Tahun 1950an Hingga 1970an)

B+ 56


Oleh

Bahri Bin Mohamad Zin,

Penyelia

Dr. Cheah Boon Kheng,


Latihan Ilmiah
Untuk Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-syarat Ke Penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Sastera Dalam Bidang
Sejarah, Universiti Sains Malaysia Pulau
Pinang.


Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang
1982/83.


***
*

Untuk;

Ayah dan Ibu

Sumber pendorong untuk ku

terus melangkah mencari restu keredhaan Ilahi

Juga buat abang dan kakak

pada mu juga Min;

penyokong disetiap perjalanan ini

moga dilangkahan selanjutnya..

diredhai Allah Swt.

selalu.

## KANDUNGAN


| | | Halaman |
|---|---|---|
| Prakata .. | .. .. .. .. .. | i - iii |
| Pendahuluan | .. .. .. .. .. | iv - vii |
| Bab Satu .. | Masyarakat Dan Sejarah Rantau Panjang Kelantan .. | 1 - 18 |
| Bab Dua .. | Bentuk Dan Tradisi Jenayah .. .. .. .. | 19 - 38 |
| Bab Tiga .. | Satu Kes Kajian Penjenayah di Rantau Panjang .. | 39 - 53 |
| Bab Empat.. | Kesimpulan .. .. .. | 54 - 61 |
| Bibliografi | .. .. .. .. .. | 62 - 68 |
| Lampiran satu, | Peta daerah Rantau Panjang | 69 |
| Lampiran dua, | Banci penduduk tahun-tahun 1947, 1957 dan 1979. .. | 70 - 72 |
| Lampiran tiga, | Foto-foto di sekitar Sungai Golok, diambil pada 29 november 1982. .. .. | 73 - 74 |
| Lampiran empat, | Lapuran penggawa daerah Rantau Panjang mengenai penghijrahan penduduk ke negeri Singapura. .. .. | 75 |
| Lampiran lima, | Perangkaan Jenayah Balai Polis Rantau Panjang .. | 76 |
| Lampiran enam, | Sedutan dari akhbar-akhbar yang menunjukkan jenayah-jenayah tersebut masih berlaku | 77- 80 |

Lampiran Tujuh, Sebuah catitan harian En. Mohamad Zain Awang, mengenai pembunuhan seorang jirannya, .. .. .. 81 - 82

Lampiran lapan, Ringkasan dan sedutan dari Profile pendaftaran kes-kes Mahkamah Sesyen Majistreet Kelantan, 1967 hingga 1980.. .. .. .. 83 - 84

Lampiran sembilan, .. .. Ringkasan terhadap kes-kes kecederaan yang dilapurkan 1982, diterjemahkan oleh Dr. Muhamad Rafeek dari Call-Book, .. .. .. 85.


********

PRAKATA

Alhamdulillah bersyukur saya kepada Allah S.w.t, kerana dapat menyiapkan Latihan Ilmiah ini, walau pun banyak rintangan-rintangan yang ditempuhi semasa mencari dan mengesan sumber dan maklumat-maklumat yang diperlukan. Antara masalah yang ditempuhi seperti sukarnya mendapatkan bahan-bahan, bukti-bukti dan maklumat-maklumat yang diperlukan. Oleh kerana tajuk ini merupakan tajuk yang pertama kali disentuh oleh saya dan tidak pernah dibuat oleh lain-lain pengkaji, maka kesukaran yang saya alami di sini ialah untuk mengesan dan mendapatkan sumber-sumber yang 'releven' dengan tajuk serta untuk mendapatkan satu contoh dari lain-lain pengkaji yang terdahulu.

Selain dari itu masalah tempat tinggal dan keewangan juga merupakan penghalang besar bagi melicinkan perjalanan kerja ini, kerana perbelanjaan di Kuala Lumpur terutamanya amat tinggi begitu juga di selatan Thailand. Lagi pun sumber-sumber yang dikira amat penting dari lapuran pehak polis amat sukar diperolehi terutama sekali maklumat-maklumat ditahun-tahun 1950an dan 60an, banyak lapuran-lapuran yamg hilang, musnah dan sebagainya lagi akibat daripada kecuaiannya dibahagian rekod. Masalah yang sama juga terjadi pada pusat-pusat kesihatan tempatan yang mencatitkan kes-kes dalam bentuk yang terlalu umum hingga keadaan sebenarnya amat tidak meyakinkan.

Jadi memandangkan sejarah pekan ini belum lagi disentuh oleh sebarang pengkaji dan lain-lain badan yang mencintai sejarah tempatan, sedangkan ianya makin hari - makin ditimbus zaman, maka dengan siapnya Latihan Ilmiah ini saya amat bersyukur sekali dan juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Cheah Boon Kheng yang telah membimbing dan menunjukajar dari mula hingga akhir didalam menyiapkan Latihan-Ilmiah ini.

Setinggi-tinggi terima kasih juga saya ucapkan kepada Tuan pegawai daerah Pasir Mas iaitu DSP Kamaruddin dan penolongnya Megat Aminuddin Megat Wah kerana membenarkan saya menbuat penyelidikan di balai polis Rantau Panjang dan tidak lupa juga terima kasih saya ucapkan kepada Inspekter Mahpop Jaafar penguasa balai polis Rantau Panjang dan Inspekter Shamsiah Yusoff dari Jabatan Siasatan Jenayah di Kota Bharu kerana memberikan kerjasama yang memuaskan kepada saya.

Selain dari itu saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Majistret Pasir-Mas, Nik Rosdi dan Dr. Muhamad Rafeek yang telah bersusah payah mencari lapuran awal dan menterjemahkannya kepada saya. Terima kasih juga kepada Penggawa daerah Rantau - Panjang yang telah membenarkan saya membuat penyelidikan di situ, dan tidak lupa juga ribuan terima kasih saya ucapkan kepada Rosli Zakaria dan Ahmad Derahman kerana sanggup memberi bantuan kepada saya didalam mencari orang-orang

tua yang pernah hidup dalam lingkungan tahun-tahun 1950an hingga ke hari ini, juga terima kasih kepada orang-perseorangan yang lain yang memberikan kerjasama secara tidak langsung kepada saya semasa temu-tanya-temu-tanya dijalankan.

Dari saya; Segala kerjasama itu diucapkan terimakasih yang tidak terhingga.

Terima Kasih.

Bahri Bin Mohamad Zin,
Pusat Pengajian Ilmu
Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang.

PENDAHULUAN

Daerah Rantau Panjang, seperti juga dengan lain-lain daerah di Kelantan, pada masyarakatnya punyai banyak persamaan, seperti di segi percakapan, anutan kebudayaan, kesenian, struktur penghuninya yang dimajoritikan oleh orang-orang Melayu kemudian diikuti oleh orang China, India, siam dan lain-lain lagi. Antara mereka ini telah menunjukkan satu corak hubungan kemasyarakatan yang harmoni sejak lama dulu, ini adalah hasil dari pemahaman dan penyerapan nilai-nilai kebudayaan setempat kedalam cara hidup mereka sehari-hari, hinggamana akhirnya telah menonjolkan satu bentuk hubungan yang unik yang berbeza sama sekali berbanding dengan lain-lain negeri di Malaysia ini.

Namun begitu dari satu sudut lain, daerah ini telah melalui sejarahnya yang tersendiri bersama dengan Pekan Golok Thailand sejak dahulu lagi. Ianya sering bertukar corak pemerintahan dari Kerajaan Pattani, ke-Thailand, kemudian semasa kerajaan Kelantan berkuasa, namun dua daerah ini dikatakan tetap tidak berpisah hinggalah akhirnya setelah kerajaan British campur-tangan, barulah dua daerah ini dipisahkan secara rasmi berdasarkan sebatang sungai yang bernama Sungai Golok.

Dengan pemisahan ini buat pertama kalinya, telah meletakkan dua daerah ini dibawah sistem undang-undang yang berbeza, sedangkan penduduknya bertalian rapat, dari hubungan darah, hinggalah ke perhubungan perniagaan yang telah lama berlangsung itu. Oleh itulah kini didapati

wujud pada setengah dari masyarakatnya mereka yang mempunyai dua kewarga-negaraan dan dari sejarah yang dilalui oleh ke dua-dua buah pekan ini sedemikian rupa barangkali telah melahirkan beberapa perbezaan yang agak ketara berbanding dengan lain-lain pekan di dalam Negeri Kelantan sendiri.

Sementara itu di selatan Thailand pula telah muncul banyak pertubuhan-pertubuhan anti kerajaan pusat di-Bangkok dan dalam masa yang sama pula berlakunya bebrapa siri rampasan kuasa sehingga keadaan yang sedia tidak seimbang itu tambah meruncing dan menggugat keselamatan dibahagian selatannya yang kebetulan berjiran pula dengan pekan Rantau Panjang ini. Hasil dari keselamatan yang tidak dijaga inilah dikatakan ianya dipenuhi oleh kegiatan jenayah yang lain iaitu gerakan yang tidak berbau politik yang sering mengancam keselamatan awam.

Gerakan-gerakan ini kemudiannya secara beransur-ansur bergerak ke arah Pekan Rantau Panjang yang hanya disempadani oleh sebatang sungai sahaja iaitu Sungai Golok. Gerakan ini kemudiannya mempengaruhi individu-individu tertentu melahirkan satu gerakan yang baru dengan cara dan teknik yang licin hingga pekan ini disuatu masa dulu terkenal di Kelantan sebagai Pekan "Cow-boy".

Jadi di dalam pengkajian saya ini di bab satunya saya khususkan perbincangan mengenai sejarah dan masyarakat Pekan Rantau Panjang sebagai pekan sempadan yang melalui sejarahnya yang agak tersendiri dari lain-lain

daerah di dalam Negeri Kelantan. Juga disentuh sedikit sebanyak keadaan di selatan Thailand yang menyebabkan berlakunya perpindahan masuk dan keluar penduduk dari dua sistem pemerintahan ini.

Di bab dua pula saya membincangkan mengenai keadaan, corak dan tradisi penjenayahan di selatan Thailand secara ringkas dan seterusnya tinjauan di Rantau-Panjang serta menyimpulkan bahawa tradisi penjenayahan sebegitu rupa di sini adalah hasil dari diekspot masuk ke kawasan ini. Namun begitu ada lagi sejenis jenayah yang terjadi akibat dari sejarah dan keadaan alam semulajadi yang wujud di sini, jenayah yang dimaksudkan ialah penyeludupan, yang mana kini telah bertukar menjadi sebagai "profession" tetap kepada setengah kalangan belia setempat.

Di bab tiga, saya khususkan perbincangan dan kajian saya kepada satu jenis jenayah yang banyak memberi kesan kepada masyarakat setempat, iaitu pembunuhan. Untuk itu saya fokaskan kajian ke atas seorang tokoh yang dikira sebagai tokoh contoh bagi gambaran am mengenai tradisi penjenayahan di Pekan ini. Dengan pemilihan ini dikira dapat menerangkan sikap, watak, tradisi dan jenis perlakuan umum yang dianuti dan dipraktikkan oleh penjenayah yang wujud di Pekan Rantau Panjang.

Terakhirnya saya menyimpulkan kedudukan jenayah di pekan ini, disegi samada ianya terlalu asing kepada masyarakat di pekan sempadan ini, samada ianya merupakan penyakit yang berbisa dalam masyarakat atau ianya di sete-

[illegible]

nyimpulkan disegi samada ianya bertambah atau berkurangan atau dapat dibenteras secara total atau pun tidak mungkin sama sekali.

Sekian.

*************